

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	25 FEBRUARY 2017

Dr. M busuk hati terhadap Najib

UM - 25/2/2017

Oleh **FITRI AFFENDI MUSTAFA**
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 24 FEB.

DUA pemimpin dari Johor menyifatkan cubaan Tun Dr. Mahathir Mohamad mencampuri urusan dalaman negeri itu sebagai usaha untuk memburukkan hubungan antara kerajaan negeri dengan pihak istana yang amat baik ketika ini kerana ‘busuk hati’ terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Mereka berpendapat tindakan tersebut demi mengejar kepentingan politik beliau serta anaknya, Datuk Seri Mukhriz yang masih belum tercapai.

Ahli Parlimen Sekijang, **Anuar Abdul Manap** percaya bekas Perdana Menteri itu tidak senang dengan tindakan Najib yang tidak membantu untuk mengangkat agenda politik beliau dua beranak.

“Dr. Mahathir marah kepada Perdana Menteri sebab tidak membantunya mencapai agenda politik beliau termasuk melibatkan anaknya, Mukhriz dan beliau tiada pilihan selain memburukkan kerajaan.

“Perkara ini tidak sepatutnya dibiarkan kerana kita dapat melihat ekonomi negeri Johor semakin berkembang hasil daripada hubungan baik antara kerajaan neg-



ANUAR ABDUL MANAP



SHEIKH NAFIQ

eri dengan pihak istana pada ketika ini,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Semalam Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar membuat teguran keras yang dipercayai ditujukan kepada Dr. Mahathir dengan meminta ahli politik luar supaya jangan mencampuri urusan dalaman Johor yang boleh mengelirukan dan memecahbelahkan rakyat negeri tersebut.

Sultan Ibrahim turut menasihatkan rakyat negeri Johor agar tidak terpengaruh dengan tipu helah orang luar yang cuba menakutkan mereka dengan cerita-cerita dongeng yang direka.

Mengulas lanjut Anuar berkata, Dr. Mahathir harus sedar untuk tidak mencampuri sebarang urusan dalaman yang boleh menjejaskan perpaduan rakyat di negeri itu.

“Kita dapat lihat sebelum ini Sultan Johor tidak pernah men-

campuri sebarang urusan dalaman politik negeri, tetapi dengan situasi sekarang yang dipengaruhi Dr. Mahathir mengakibatkan baginda terpaksa membuat teguran itu,” jelasnya.

Sementara itu Exco Pemuda UMNO, **Sheikh Nafiq Al-Firdaus** berkata, Dr. Mahathir dan pemimpin-pemimpin pembangkang lain perlu segera menghentikan perbuatan serta kenyataan politik yang boleh ‘membunuh’ perpaduan di Johor.

Beliau menegaskan, teguran Sultan Johor tentang campur tangan ahli politik luar perlu dipandang serius oleh semua pihak kerana perkara tersebut boleh menimbulkan kegusaran kepada rakyat Johor.

“Saya melihat isu campur ta-



PERINGATAN SULTAN JOHOR

Saya minta semua rakyat Malaysia agar memberikan sokongan dan bertolak ansur kita bertolak ansur di dalam kes tertentu tersebut.

KERATAN Utusan Malaysia, semalam.

Masih saya kepada dia, cukup-cukuplah. Dunia ini ada yang dan malam, bukan boleh berurusan. Jangan sibuk dengan orang, lebih baik dengan yang telah datang ke sini.

ngan orang luar dalam negeri Johor adalah amat serius kerana boleh mendatangkan kegelisahan kepada rakyat serta menjejaskan usaha Sultan untuk menyatukan rakyat Johor.

“Malah, campur tangan Dr. Mahathir dalam politik Johor merupakan satu cubaan untuk menggagalkan usaha Perdana Menteri yang sentiasa konsisten untuk membangunkan ekonomi rakyat Johor,” jelasnya.